

# **Taraf Kognat Antara Bahasa Melayu Standard Dan Dialek Melayu Kabong**

**Salbia Hassan**

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia

## **Abstrak**

Kajian ini menghuraikan analisis umum terhadap hubungan antara Bahasa Melayu Standard (BMS) dan Dialek Melayu Kabong (DMKb) menerusi kaedah perbandingan leksikostatistik. Kaedah ini menggunakan 100 kata dasar Swadesh (Samarin, 1967:221) yang kemudiannya dibandingkan dengan kosa kata DMKb bagi menentukan taraf kognat antara kedua-dua bahasa atau dialek yang dikaji. Kosa kata ini bersifat bebas budaya (free culture) dan kata asas (basic core) yang diandaikan terdapat dalam semua bahasa. DMKb ini dituturkan oleh masyarakat Melayu di Daerah Kecil Kabong, Betong Sarawak. Majoriti penduduknya adalah masyarakat Melayu dan selebihnya adalah masyarakat Iban dan Cina. Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, didapati hubungan antara BMS dan DMKb sangat dekat dengan 87.75% persamaan kata berkognat. Dapatkan ini membuktikan bahawa DMKb bertaraf dialek dan menunjukkan wujudnya perpisahan DMKb daripada bahasa induknya, Bahasa Melayu sejak 0-5 abad yang lalu. Please provide an abstract of 150 to 200 words.

**Kata kunci:**

## **Pengenalan**

DMKb merupakan salah satu dialek Melayu yang dituturkan secara meluas di Daerah Kecil Kabong. Daerah Saratok. Berdasarkan maklumat yang diperoleh, kampung ini telah wujud kira-kira 200 tahun lalu ketika di bawah pemerintahan kerajaan Sultan Brunei (Sanib Said, 2011). Kini, pekan Kabong tidak lagi terpencil daripada bandar dan pekan lain berbanding dahulu, malah Kabong mempunyai lokasi yang strategik dan berpotensi menjadi sebuah pusat perdagangan yang berperanan sebagai pusat agihan kepada kawasan-kawasan persekitaran Daerah Kecil Kabong. Jarak Kuching ke Kabong dengan melalui jalan Maludam ialah sejauh 262 KM dengan anggaran pemanduan selama 5 jam 5 minit. (<http://distancecalculator.globefeed.com>).

Walaupun penutur bahasa Iban adalah tinggi secara keseluruhannya di Daerah Saratok, namun bagi Daerah Kecil Kabong, etnik Melayu adalah tertinggi, iaitu berjumlah 9,657 orang (80%) (Jabatan Perangkaan Malaysia Cawangan Sarawak, Banci Penduduk 2010). Penduduknya terdiri daripada orang Melayu yang beragama Islam. Mereka berasal dari kampung-kampung sekitar kawasan pinggir Sungai Seblak dan Krian seperti Sesang, Empayang, Empelam, Tanjung Malim, Suang dan Lintang (Sumber: Pejabat Daerah Saratok, [www.saratokdo.gov.my](http://www.saratokdo.gov.my)). Pemerhatian